



BUNGA KEMBOJA EMAS



Seni tekat antara seni warisan negara kita yang masih kekal terpelihara. Seni tekat ini juga dikenali sebagai atau suji timbul. Kraf ini sangat terkenal di , Perak. Tekat juga merupakan aksesori mewah dan dimiliki oleh golongan bangsawan ataupun keluarga diraja pada zaman dahulu.

Seni tekat lazim digunakan untuk istiadat dan upacara tertentu seperti perkahwinan, peminangan, kelahiran, berkhatan dan khatam al-Quran. Orang yang mahir menekat ini dipanggil atau tukang tekat.

pada motif tekak timbul.

Kesatuan pada penyatuan unsur seni keseluruhan sarung bantal.

Rupa organik pada mempulur yang bermotifkan bunga pecah lima.

Kontra warna pada sarung bantal dengan motif tekak.



KBAT

Kenal pasti motif seni tekak yang dihasilkan sama ada flora atau fauna.

Jenis Tekat

Tekat terbahagi kepada dua, iaitu tekat timbul benang emas dan tekat gubah.


Motif tekat menggunakan mempulur yang disulam dengan benang emas.



Motif disulam dengan benang berwarna-warni tanpa menggunakan mempulur dan adakalanya dihiasi manik.



Alatan Tekat Tradisional



INFORMASI

Hajah Azizah binti Muhd Yusof ialah Adiguru Kraf Tekatan Benang Emas yang telah dianugerahi pada tahun 2018. Beliau masih aktif menekat dan sering menerima tempahan eksklusif daripada pihak istana dan orang kenamaan sejak tahun 1950-an.



Motif Tekat

Kebanyakan motif tekat dipengaruhi oleh alam sekeliling. Motif ini diilhamkan daripada . Antara motif yang menjadi pilihan penekak termasuklah bunga padi, bunga kekwa, bunga cempaka, bunga pecah lima, bunga melur dan rama-rama.



Bunga padi



Bunga melur




Bunga cempaka



Teknik Sulaman Tekat

Mari belajar cara untuk menghasilkan tekat timbul. Secara asasnya, tekat menggunakan dua jenis benang, iaitu benang emas atau perak yang dililit pada geligin, manakala benang biasa yang menggunakan jarum.



Keratan rentas cara menekak

Eksplorasi Tekat

Untuk membuat kraf tekat, pemilihan alat dan bahan gantian yang sesuai perlu dibuat agar hasil tekat yang dikehendaki dapat disulam dengan baik.

Permukaan Tekat

Bahan Tekat

Mempulur

Hasil Tekat



Kain baldu



Reben



Benang bulu kambing



Kad keras



Kain guni



Kertas tebal



Kain kapas

